



POLISI PERKONGSIAN DATA GEOSPATIAL

NEGERI PULAU PINANG

**VERSI 2.1
1 JANUARI 2024**

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
TUJUAN	1
PUNCA KUASA DIRUJUK	1
PERKONGSIAN PRODUK GEOSPATIAL	2
Harga Maklumat Geospacial	4
Platfom Perkongsian	4
Keselamatan Maklumat Geospacial	4
Lesen dan Royalti	5
Peranan dan Tanggungjawab APD	5
Peranan dan Tanggungjawab Pengguna	5
Penafian	6
Penyeragaman Maklumat	6
KESIMPULAN	7
SENARAI ISTILAH	8
LAMPIRAN A	11
Struktur Tadbir Urus	
ANNEX A	12

PENGENALAN

Data geospasial adalah data yang berasaskan lokasi geografi yang telah dicipta, dikumpul, diproses dan disimpan merupakan satu sumber maklumat yang berharga. Penghasilan data dan produk geospasial ini melibatkan kos yang tinggi. Perkongsian data geospasial yang berkesan akan menghasilkan satu penjimatan bagi Kerajaan Negeri dengan mengurangkan duplikasi dan pertindihan penghasilan data tersebut.

TUJUAN

2. Polisi ini digubal bagi menyelaraskan tatacara perkongsian data geospasial negeri Pulau Pinang. Penggubalan polisi ini akan memudahkan perkongsian, pencapaian dan penyebaran data dan produk geospasial disamping memberi kemudahan kepada pengguna untuk mengakses maklumat dari sumber asal dan sah.

PUNCA KUASA DIRUJUK

3. Akta, arahan dan pekeliling yang dirujuk dalam membangunkan polisi ini adalah seperti berikut :

- i) Akta Rahsia Rasmi Pindaan 1986.
- ii) Surat Pekeliling Am Jabatan Perdana Menteri Bilangan 8 Tahun 1990 : Arahan Keselamatan Kawalan, Penyelenggaraan Maklumat-maklumat Ukur dan Topografi Yang Antara Lainnya Merangkumi Peta-peta Rasmi dan Penderian Jauh.

POLISI PERKONGSIAN DATA GEOSPATIAL

- iii) Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospacial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2005, Garis Panduan Penentuan Harga dan Penyebaran Data Geospacial.
- iv) Surat Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2001, Panduan Bagi Data Custodianship Infrastruktur Kebangsaan Bagi Sistem Maklumat Tanah.
- v) Fees And Royalties (Survey Data And Digital Mapping) Order 1997.
- vi) Garis Panduan Hakcipta Data Ukur dan Pemetaan Berdigit.
- vii) Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospacial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2012 : “Garis Panduan Perkongsian Dan Penyebaran Maklumat Geospacial Melalui Infrastruktur Data Geospacial Negara (MyGDI)”.
- viii) Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010-Peraturan-Peraturan Kebebasan Maklumat Pulau Pinang (Akses Kepada Maklumat Geospacial) 2021.
- ix) Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2007: “Pekeliling Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospacial Terperingkat”.

PERKONGSIAN DATA GEOSPATIAL

4. Untuk merealisasikan perkongsian data geospacial di negeri Pulau Pinang, Polisi Perkongsian Data Geospacial Negeri Pulau Pinang digubal untuk mengawal selia keselamatan dan integriti data. Polisi ini akan merangkumi perkara-perkara berikut :

- i) Perkongsian maklumat geospasial;
 - ii) Penyebaran maklumat geospasial; dan
 - iii) Penyeragaman maklumat geospasial.
5. Produk dan perkhidmatan geospasial yang dikongsi merangkumi data, aplikasi, perkhidmatan, pengetahuan, dokumen dan lain-lain yang berkaitan.
6. Polisi ini akan dikaji mengikut keperluan semasa bagi memantapkan lagi aktiviti perkongsian maklumat geospasial negeri Pulau Pinang. Pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan polisi ini akan dilakukan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan seperti di **Lampiran A**.
7. Perkongsian maklumat geospasial yang berkesan akan menghasilkan satu penjimatan bagi Kerajaan Negeri dengan mengurangkan duplikasi dan pertindihan aktiviti pengumpulan data digital yang melibatkan kos yang tinggi. Untuk memudahkan urusan perkongsian data geospasial negeri Pulau Pinang, polisi berikut perlu diterima pakai oleh setiap jabatan/agensi yang terlibat.
8. Kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk mengarahkan agensi/jabatan Pembekal Data (APD) membekalkan maklumat yang difikirkan perlu kepada pangkalan data geospasial Negeri kecuali telah wujud mana-mana garis panduan dan peraturan rasmi yang tidak membenarkannya.
9. Pembekalan maklumat daripada pihak ketiga adalah dibolehkan dan mesti mengikut standard dan format yang ditetapkan dengan merujuk dokumen-dokumen yang dilampirkan di **Annex A**.

Harga Maklumat Geospacial

10. APD adalah digalakkan untuk membenarkan perkongsian maklumat geospacial di antara agensi/jabatan Kerajaan Negeri dilakukan secara percuma kecuali telah wujud mana-mana garis panduan dan peraturan rasmi yang tidak membenarkannya. Jika caj perlu dikenakan, maka ianya pada kos yang minimum.

11. Penetapan harga maklumat geospacial ditentukan mengikut Peraturan-Peraturan Kebebasan Maklumat Pulau Pinang (Akses Kepada Maklumat Geospacial) 2021, Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2010.

12. Jika wujud keadaan di mana skema piawaian harga tidak disediakan, maka harga data berkenaan akan ditentukan melalui persetujuan bersama di antara agensi pembekal dan pihak yang memohon data tersebut.

13. Permohonan produk geospacial negeri Pulau Pinang secara percuma untuk tujuan pendidikan atau kajian yang melibatkan kepentingan Negeri Pulau Pinang boleh dipertimbangkan oleh Pegawai Pengawal jabatan/agensi.

Platform Perkongsian

14. Data geospacial yang dibangunkan/dihasilkan oleh jabatan/ agensi yang boleh dikongsi mesti boleh dicapai melalui platform Penang GeoHub.

Keselamatan Maklumat Geospacial

15. APD mempunyai hak ke atas produk yang dihasilkan dari data geospacial yang dibekalkan atau diterbitkan.

16. Jabatan/agensi pengguna tidak boleh menyebarkan secara umum maklumat yang boleh mengancam keselamatan negeri dan/atau negara. Maklumat sedemikian adalah untuk digunakan oleh jabatan/agensi kerajaan untuk kepentingan Negeri Pulau Pinang.

Lesen dan Royalti

17. Data yang memerlukan lesen penggunaan data, APD perlulah untuk mengecualikan lesen penggunaan untuk jabatan/agensi kerajaan negeri kecuali telah wujud mana-mana garis panduan dan peraturan rasmi yang tidak membenarkannya.

18. Royalti boleh dikenakan terhadap pengguna oleh APD bagi penghasilan salinan digital atau salinan keras dari mana-mana produk data geospasial yang ditambahnilai untuk tujuan komersial. APD perlulah mengecualikan royalti untuk jabatan/agensi kerajaan negeri kecuali telah wujud mana-mana garis panduan dan peraturan rasmi yang tidak membenarkannya.

Peranan dan Tanggungjawab APD

19. APD mesti membekalkan data kepada kerajaan atas kepentingan atau arahan Kerajaan Negeri.

20. APD hendaklah mengambil daya usaha yang sewajarnya dalam memastikan tatacara perkongsian ini dipatuhi.

21. APD mestilah memastikan data yang dikongsi dikemaskini secara berkala.

Peranan dan Tanggungjawab Pengguna

22. Pengguna perlu sentiasa menyebut sumber data asal di dalam setiap penerbitannya dan bertanggungjawab dari segi penggunaan, analisis dan tafsiran data yang digunakan.

23. Data yang dikongsi atas permohonan jabatan/agensi tidak boleh diserahkan atau dijual kepada pihak ketiga tanpa kebenaran bertulis daripada APD. Sekiranya berlaku sebarang kecuaiian yang mendedahkan data-data kepada pihak ketiga, PSUKPP boleh mengambil tindakan yang sewajarnya.

Penafian

24. APD tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang impak negatif atau kerosakan yang berlaku terhadap penggunaan maklumat geospasial melalui perkongsian ini tanpa rujukan, kebenaran atau pengesahan dari APD.

25. Bagi mengehadkan liabiliti akibat penyebaran maklumat geospasial yang mengandungi ralat dan *ketidaksempurnaan*, penafian (*disclaimer*) perlu dinyatakan dalam proses pembekalan maklumat dan dinyatakan dengan jelas melalui metadata. Bagi maksud tersebut, nasihat daripada pihak perundangan perlu terlebih dahulu diperolehi.

Penyeragaman Maklumat

26. Penggunaan maklumat-maklumat yang telah ditetapkan standardnya akan memudahkan pelaksanaan perkongsian maklumat. APD disarankan mengikut standard dan format yang ditetapkan di bawah:

- i) Pemakaian Kod Butiran dan Atribut (MS1759) dalam penamaan fitur, attribut dan data attribut.
- ii) Penggunaan Geocentric Datum for Malaysia (GDM2000) Cassini Pulau Pinang sebagai sistem koordinat rujukan.
- iii) Format data seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pembangunan Data Geospasial.
- iv) Simbologi seperti standard yang diguna pakai oleh APD.
- v) Penyelarasan Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah/Unique Parcel Identifier (UPI).
- vi) Penyeragaman nama geografi yang merujuk kepada menggunakan nama-nama geografi yang telah disahkan dan disimpan di dalam Pangkalan Data Nama Geografi (PDNG).
- vii) Penyediaan dan penerbitan metadata berdasarkan MS ISO 19115 - Geographic information - Metadata Referencing By Coordinates.

Untuk penerangan yang lebih terperinci adalah seperti dalam Garis Panduan Pembangunan Data Geospacial yang dilampirkan di **Annex A**.

KESIMPULAN

27. Polisi Perkongsian Data Geospacial Negeri Pulau Pinang perlu diterima pakai oleh semua pihak yang terlibat bagi memudahkan urusan perkongsian data geospacial negeri Pulau Pinang dilaksanakan.

SENARAI ISTILAH

Agensi	mana-mana jabatan, institusi, badan berkanun, kerajaan tempatan atau organisasi.
Agensi Pembekal Data (APD)	mana-mana jabatan, institusi, badan berkanun, kerajaan tempatan atau organisasi yang membekal data geospacial.
Attribut	Deskripsi yang memberi penerangan tentang sesuatu fitur.
<i>Custodian</i>	satu agensi yang diperakukan oleh Kerajaan bagi menguruskan sesuatu data bagi pihak Kerajaan.
Data	persembahan maklumat secara formal yang boleh diterjemahkan dalam bentuk yang sesuai untuk komunikasi, olahan dan prosesan.
Data attribut	ciri-ciri bagi sesuatu fitur. Contoh data atribut adalah nilai ketinggian, lebar, komposisi, panjang serta ciri-ciri lain bagi sesuatu fitur.
Fitur	gambaran objek di bumi sama ada bagi objek semula jadi atau objek buatan. Contoh fitur adalah bangunan, jalan raya, tanaman, sungai dan sebagainya.
GIS	Sistem Maklumat Geografi (<i>Geographic Information System</i>)
Lesen penggunaan data	suatu lesen yang diberikan secara bertulis yang membenarkan pelakuan sesuatu perbuatan yang dikawal oleh hak cipta.

POLISI PERKONGSIAN DATA GEOSPATIAL

Maklumat geospacial	maklumat saintifik mengenai permukaan bumi dan penghuninya merangkumi foto udara, citraan <i>remote sensing</i> , mozek, model paramuka berdigit, peta garisan, maklumat atau data geodesi dan pelan kadaster, kejuruteraan awam dan pelan seni bina.
Metadata	maklumat mengenai data geospacial dan aspek penggunaannya.
MyGDI	bererti <i>Malaysian Geospacial Data Infrastructure</i> yang merangkumi institusi, polisi, standard dan teknologi yang diperlukan bagi memperolehi, memproses, menyimpan, mengedar dan mempertingkatkan penggunaan data geospacial.
Pangkalan data geospacial	pangkalan data yang menyimpan data dalam format geodatabase.
PeGIS	Sistem Maklumat Geografi Pulau Pinang (<i>Penang Geographic Information System</i>)
Pengguna	konsumer akhir data; mereka yang menggunakan data sebagai input untuk menyelesaikan masalah dan/atau membuat keputusan.
Produk geospacial tambah nilai	data yang telah digabungkan, diolah dan ditingkatkan.
Royalti	bayaran fi atau yuran yang dikenakan oleh pembekal data bagi reproduksi atau terbitan data berkenaan.

POLISI PERKONGSIAN DATA GEOSPATIAL

Sistem Koordinat	kaedah bagi menyatakan kedudukan, lokasi atau suatu titik di atas permukaan bumi.
Sumber data asal	dari mana data itu diperolehi.
Tujuan komersial	penggunaan data bagi sesuatu maksud berkaitan dengan perdagangan dan pembelian, penjualan atau pertukaran komoditi data atau perkhidmatan bagi mendapatkan keuntungan.

LAMPIRAN A

STRUKTUR TADBIR URUS



ANNEX A

- 1) Garis Panduan Pembangunan Data Geospacial Negeri Pulau Pinang.
- 2) Garis Panduan Penyerahan Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM) Negeri Pulau Pinang.
- 3) Garis Panduan Serahan Pelan Digital Geospacial Bagi Permohonan Kebenaran Merancang (KM), Pinta-Ukur (Pra-Hitungan) Dan Pelan 'As Built' Negeri Pulau Pinang.
- 4) Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospacial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2014: Panduan Pemakaian Standard Maklumat Geospacial.
- 5) Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospacial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2012: Garis Panduan Perkongsian Dan Penyebaran maklumat Geospacial Melalui Infrastruktur Data Geospacial Negara (MyGDI).
- 6) Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospacial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2009: Panduan Bagi Pembangunan Dan Pelaksanaan Pusat Data Geospacial / Geospacial Data Centre (GDC).
- 7) Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospacial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2008: Garis Panduan Custodianship bagi Data Geospacial.
- 8) Pindaan Pertama Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospacial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2006: Pindaan kepada Struktur Pengurusan MyGDI (Lampiran A) Panduan Bagi Pembangunan Dan Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospacial Negara / Malaysian Geospacial Data Infrastruktur (MyGDI).
- 9) Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospacial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2006: Panduan Bagi Pembangunan Dan Pelaksanaan

Infrastruktur Data Geospasial Negara / Malaysian Geospasial Data Infrastruktur (MyGDI).

- 10) Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2005: Garis Panduan Penentuan Harga dan Penyebaran Data Geospasial.
- 11) Surat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2001: Panduan Bagi Data Custodianship Infrastruktur Kebangsaan Bagi Sistem Maklumat Tanah.